

BERITA PETALING JAYA

Misi Perkhidmatan Pelanggan
Mesra, Cepat & Tepat
KUALITI KEUTAMAAN KAMI



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil



pjkita



smartpj

BIL. 1/2022

• ☎ : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206

📠 : 03-7958 2695

✉ : media@mbpj.gov.my

PERCUMA



PROGRAM BAGI MENCERGASKAN EKONOMI

Berita Penuh MS 3



PEMBAYARAN SECARA ONLINE

Usaha-usaha meningkatkan kutipan hasil seperti memudahkan dan menggalakkan pembayaran secara online, membuka kaunter bergerak di luar ibu pejabat, serta kaedah mengurangkan tunggakan hasil dengan melaksanakan operasi bersepada secara berjadual, sentiasa mengeluarkan notis peringatan mesra bayaran tetap diteruskan dengan kerjasama pelbagai jabatan yang mengutip hasil.

Berita Penuh MS 4



MBPJ PENERAJU BANDAR RAYA CEMERLANG, BERSIH DAN BERINTEGRITI

Majlis akan terus menjadi peneraju dengan pencapaian prestasi dan imej bandar raya yang cemerlang, bersih dan berintegriti.

Berita Penuh MS 5

Sidang Redaksi

www.mbpj.gov.my [Majlis Bandaraya Petaling Jaya](#) [pjcitycouncil](#) [pjktia](#) [smartpj](#)

PENAUNG
Mohamad Azhan bin Md Amir

PENASIHAT
Haniza binti Abdul Hamid

KETUA PENGARANG
Abdul Hakim bin Khairuddin

WARTAWAN
Ahmad Iskandar bin Muhamad Mukhtar
Nor Shalizawati binti Hj Baharudin
Muhammed Azmi bin Yusoff
Hasbullah bin Juyahir

PEMBANTU PENERBITAN
Nur Mazliyana Edur binti Mazelan
Mohammad Shah bin Badlishah

JURU GAMBAR
Rusdi bin Mohammed Halik
Intan Khairana binti Md. Zali
Salimey bin Abu Bakar

PEREKA GRAFIK
Badrul Hisham bin A Bakar
Ihfaznur Ashikin binti Muhammed Arifin

MAKLUM BALAS DAN CADANGAN
HANTARKAN KEPADA

Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya
• 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206 • 03-7958 2695 • media@mbpj.gov.my



“MERAKYATKAN PERKHIDMATAN AWAM”

Perkembangan dunia global telah membentuk hala tuju baharu perkhidmatan awam dalam menyampaikan maklumat dan perkhidmatan kepada pelanggan. Sektor awam kini berdepan dengan pelbagai cabaran akibat perubahan persekitaran dan peningkatan ekspektasi rakyat dan komuniti perniagaan. Penyampaian perkhidmatan yang cekap, berintegriti, berkesan, dan mesra pelanggan adalah penting dalam usaha membentuk kerajaan yang mesra rakyat menerusi pendekatan “Merakyatkan Perkhidmatan Awam”.

Kerajaan sentiasa komited dalam usaha memperkuuh dan memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan. Malah, keperluan kepada transformasi, inovasi dan digitalisasi terkini dalam penyampaian perkhidmatan bukanlah lagi satu pilihan tetapi suatu kemestian. Sistem penyampaian perkhidmatan perlu menekankan kepada matlamat untuk memenuhi keperluan dan objektif pelanggan, sama ada masyarakat umum maupun komuniti perniagaan.

Cabaran dalam menangani penularan pandemik COVID-19 tidak akan sama sekali menghalang usaha memperkasa sektor awam yang menjadi satu daripada agenda utama kerajaan dalam memastikan sistem perkhidmatan cekap yang berterusan, telus, dan mesra rakyat.

Kini, terletak di bahu penjawat awam untuk bersama-sama membudayakan norma baharu dalam gerak kerja agar perkhidmatan yang ditawarkan akan tetap disampaikan secara efektif dan tuntas kepada golongan sasaran di samping dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kerja.

Pihak Berkuasa Tempatan merupakan agensi barisan hadapan yang paling kerap berurusan terus dengan rakyat termasuk pemaju, peniaga dan pelabur. Maka perkhidmatan PBT akan sentiasa menjadi penanda aras kecekapan dan prestasi perkhidmatan kerajaan. Penggunaan teknologi dalam memperkasa penyampaian perkhidmatan PBT merupakan usaha dan iltizam kerajaan dalam memastikan hasrat dan agenda untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat menjadi realiti.

Penjawat awam yang berkhidmat di PBT perlu memainkan peranan yang amat penting dalam pentadbiran kerajaan. Sebagai agensi barisan hadapan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya mempunyai impak langsung kepada kesejahteraan hidup rakyat di Petaling Jaya, dengan memberikan perkhidmatan yang berkualiti, khususnya dalam aspek pengurusan kewangan, perkhidmatan teras dan perkhidmatan pelanggan.

Justeru, inovasi dan kreativiti perlu sentiasa menjadi budaya kerja MBPJ agar usaha-usaha untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Ia amat penting bagi Majlis menambah nilai modal insan dan memperkasa tadbir urus organisasi.



PENGURUSAN TERTINGGI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Aznan bin Hj. Hassan
Pengarah,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Tel : 03-7955 0819

Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah
Pengarah,
Jabatan Perbendaharaan
Tel : 03-7955 2354

Tn. TPr. Zain Azly bin Abdul Rahman
Timbalan Pengarah,
Jabatan Perancang
Tel : 03-7955 7934

Ir. Ismail bin Shafie
Pengarah,
Jabatan Kejuruteraan
Tel : 03-7958 7993

Dr. V. Chithradav
Pengarah,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan
Dan Persekitaran
Tel : 03-7955 2381

Datin Sr. Amreeta Kaur a/p Pretham Singh
Pengarah,
Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
Tel : 03-7955 2428

Ismathinoor bin Hj. Abd Rahman
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Kawalan Bangunan
Tel : 03-7956 3544 samb. 366

Mohd Rosnani bin Hj. Hamid
Pengarah,
Jabatan Pembangunan
Masyarakat
Tel : 03-7960 3293

Mohd Fauzi bin Maarop
Pengarah,
Jabatan Pengurusan
Tel : 03-7958 8081

LAr. Dr. Badrulzaman bin Jaafar
Pengarah,
Jabatan Landskap
Tel : 03-7804 8907

Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin
Pengarah,
Jabatan Pelesehan
Tel : 03-7960 4513

Lee Lih Shyan
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal
Dan Pembersihan Awam
Tel : 03-7954 1534

Samsul Bahari bin Nonchi
Pengarah,
Unit Teknologi Maklumat
Tel : 03-7955 2553

Haniza binti Abdul Hamid
Pengarah,
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 03-7958 1764

Norzita binti Mokhtar
Pengarah,
Unit Perundangan
Tel : 03-7957 8042

Noor Najwa binti Said
Penolong Pengarah 1
Unit Audit Dalam
Tel : 03-7954 0268 samb. 114

Basri bin Basir
Pengarah,
Unit Pusat Setempat (OSC)
Tel : 03-7954 1725

Sr. Jayanthi a/p Kupusamy
Pengarah,
Unit Pesuruhjaya Bangunan
(COB)
Tel : 03-7960 2055

Pejabat Cawangan Petaling Jaya Utara
No. 19-1 Jalan Pekaka 8/1D, PJU 5,
Prestij Kota Damansara,
47310 Petaling Jaya, Selangor.
Tel : 03-6143 7564 / 03-6143 7452 /
03-6143 6475 / 03-6143 4195 /
03-6143 5942





PROGRAM BAGI MENCERGASKAN EKONOMI

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melaksanakan pelbagai program bagi mencergaskan ekonomi terutamanya Pasca COVID-19 bagi usahawan mikro di Petaling Jaya. Ia juga selaras dengan 10 Thematic Projects PJSSR 2030 di bawah projek Economic Vibrant City. Majlis telah mewujudkan empat lokasi bazar Tahun Baharu Cina sempena perayaan Tahun Baharu Cina. Bazar Tahun Baharu Cina 2022 ini telah mula beroperasi pada 2 Januari 2022 yang lalu sehingga 4 Februari 2022 yang melibatkan tawaran sejumlah 71 petak di Pasar Awam Jalan Othman, Pasar Taman Megah, Pasar Kampung Chempaka dan Dataran Boulevard, Seksyen 52.

Majlis juga telah membuka permohonan bagi permit Bazar Ramadhan 2022 bermula 7 Januari 2022 sehingga 20 Januari 2022. Permit Bazar Ramadhan 2022 melibatkan sejumlah 1,395 petak di 20 lokasi bazar di Petaling Jaya seperti di Jalan PJS 2/3, Taman Sri Manja PJS 1/30, Kg. Lindungan PJS 6/3, Desa Mentari PJS 6/5, SS 6/1 Kelana Jaya, SS 8 Sg. Way, Seksyen 17/1A, Seksyen 14/27 (Pasar Seksyen 14), Seksyen 51A Kg. Baiduri, Seksyen 8 Sg. Jernih, Seksyen 3 Jalan Sentosa 3/57, Lembah Subang, Kg. Sg. Kayu Ara, Seksyen 4 Kota Damansara, Jalan Teknologi 3/1 Kota Damansara, Apartment Meranti Bandar Sri Damansara, Apartment Vista Business Centre Damansara Damai, Prima Damansara dan Jalan Kenyalang 11/1 Kota Damansara (yang merupakan lokasi baru). Selain itu, Majlis juga akan membuka tawaran tender terbuka bagi Bazaria (Bazar Aidilfitri) di Tapak Letak Kereta Stadium Kelana Jaya, SS 7.



PENUTUPAN PEMBAHAGI JALAN DI PERSIARAN SURIAN

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melaksanakan kajian trafik dan kesesakan lalulintas di Jalan Persiaran Surian dengan penutupan pembahagi jalan dan lampu isyarat di persimpangan tiga lampu isyarat di Persiaran Surian dan Pelangi Damansara, PJU 6, Petaling Jaya.

Lalu lintas akan dilencangkan dengan pembinaan pusingan U di persimpangan tiga lampu isyarat di Persiaran Surian dan Jalan PJU 3/31, Petaling Jaya. Lalu lintas juga akan dilencangkan di pusingan U sedia ada di Persiaran Surian berhampiran Jalan PJU 7/1, Petaling Jaya. Tempoh percubaan kajian aliran trafik

ini akan berjalan selama tiga bulan bermula 8 Januari 2022 hingga 7 April 2022.

Sekiranya aliran trafik berjalan lancar dan tiada bantahan penduduk maka ia akan dilaksanakan secara kekal. Para pememandu dinasihatkan supaya memandu secara berhati-hati dan mematuhi papan tanda isyarat yang disediakan di lokasi. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh hubungi Unit Lalulintas, Jabatan Kejuruteraan MBPJ di talian 03-79584221 atau e-mel jabatankejuruteraan@mbpj.gov.my



PEMBAYARAN SECARA ONLINE

Prestasi kutipan keseluruhan hasil Majlis sehingga 31 Disember 2021 adalah sebanyak RM355,941,377 atau 96.56% berbanding dengan anggaran hasil disemak sebanyak RM 368,609,090. Ini menunjukkan kutipan hasil keseluruhan Majlis masih lagi stabil walaupun masih mengalami tempoh pandemik. Usaha-usaha meningkatkan kutipan hasil seperti memudahkan dan menggalakkan pembayaran secara *online*, membuka kaunter bergerak di luar ibu pejabat, serta kaedah mengurangkan tunggakan hasil dengan melaksanakan operasi bersepdua secara berjadual, sentiasa mengeluarkan notis peringatan mesra bayaran tetap diteruskan dengan kerjasama pelbagai jabatan yang mengutip hasil.

Bagi prestasi perbelanjaan pula, sehingga 31 Disember 2021, sebanyak RM 334,707,968 atau 86.56% berbanding anggaran perbelanjaan disemak sebanyak RM 386,663,130. Prestasi perbelanjaan adalah berdasarkan kepada trend perbelanjaan semasa Majlis. Tidak ketinggalan juga, di antara perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh Majlis adalah bagi membantu pengurusan teknikal bencana banjir selain daripada kerahan tenaga sukarelawan oleh kakitangan daripada pelbagai jabatan, pegawai dan kakitangan Majlis yang menghadapi musibah telah menerima sumbangan bagi meringankan beban mereka. Sejumlah RM 255,000 telah disalurkan melalui peruntukan Datuk Bandar kepada Kelab Sukan dan Kebajikan kepada 127 orang pegawai dan kakitangan Majlis yang terlibat.

Pada keseluruhannya, prestasi kewangan Majlis pada 31 Disember 2021 masih mencatatkan lebihan kewangan (surplus) sebanyak RM 21,233,409 berbanding dengan cadangan Bajet Defisit sebanyak RM18,054,040 selepas jumlah kutipan hasil sebanyak RM 355,941,377 ditolak dengan jumlah perbelanjaan mengurus sebanyak RM 268,073,466 dan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM 66,634,502. Prestasi dan kedudukan kewangan Majlis masih lagi kukuh dan stabil serta masih mampu bertahan ketika berdepan kekangan pandemik.

Berdasarkan usaha-usaha strategik dan berterusan yang sedang dilaksanakan, adalah dijangkakan trend positif ini akan terus kekal sehingga tahun 2022. Kawalan perbelanjaan berhemah diunjurkan untuk terus diguna pakai bagi memastikan kedudukan kewangan Majlis sentiasa baik dan dapat mendepani unjuran Bajet Defisit pada tahun 2022.



ePay@MBPJ

PERKHIDMATAN ONLINE MELALUI APLIKASI WEB

SMART PARKING



Muat turun aplikasi
Smart Parking
di google play

KIOS

Pembayaran di kios
lobi ibu pejabat MBPJ, lobi
menara MBPJ dan Pejabat
Cawangan Petaling Utara

- Cukai Taksiran
- Kompaun
- Tempahan
- Bil pelbagai
- Sewaan
- Cagaran (Tunai sahaja)

embjp@MBPJ

Boleh membuat semakan seperti :

- Lesen
- Aduan
- Sewaan
- Cagaran
- Cukai Taksiran
- Semakan Kompaun
- Status Bayaran Kontraktor

TALIAN ADUAN

HOTLINE MBPJ
03 7954 2020

011-1201 7914

Waktu urusan adalah
bermula jam
8.00 pagi – 5.00 petang
hari bekerja

SEMAKAN DAN BAYARAN CUKAI TAKSIRAN

Bayaran melalui ePay di
www.mbpj.gov.my
dan klik ePay

Bayaran secara online melalui
Internet Banking

- MBF Click & Pay (Ambank)
- Ambank (bil payment)
- Hong Leong Bank
- Maybank2U
- Pos Online
- RHB Bank
- HSBC Bank
- Bank Rakyat (bil payment)
- Bank Islam
- JomPay (Biller Code: 76737)

SILA IMBAS QR KOD INI
UNTUK KE LAMAN WEB RASMI MBPJ



MBPJ PENERAJU BANDAR RAYA CEMERLANG, BERSIH DAN BERINTEGRITI



Mengambil aspirasi permulaan tahun baru 2022 ini, Majlis berharap dapat memberikan komitmen, mutu kerja dan keazaman yang tinggi bagi memastikan prestasi kerja terus cemerlang dalam mencapai matlamat dan objekif Majlis. Untuk melangkah ke hadapan yang lebih cemerlang, MBPJ harus bijak mengurus perancangan dan pelaksanaan kerja bagi menzahirkan kejayaan selain tegas dalam mengatasi pelbagai kelemahan dan kekurangannya. Cabaran besar yang perlu ditangani dalam usaha tersebut ialah pemantapan etika dan integriti.

Hasrat Majlis ke arah mencapai matlamat PJSSR 2030 iaitu di bawah pelaksanaan 10 thematic projects (E-Governance City) yang memfokuskan dan memacu ke arah tadbir urus yang baik, cekap, telus, bertanggungjawab dan berintegriti, memberi penekanan kepada penggunaan teknologi pintar dan IoT (internet of things) bagi mewujudkan transformasi di dalam perhubungan di antara Majlis dengan penduduk, sektor perniagaan, NGO dan agensi-agensi kerajaan yang lain.

Majlis akan terus menjadi peneraju dengan pencapaian prestasi dan imej bandar raya yang cemerlang, bersih dan berintegriti. Fokus utama adalah melalui pendigitalisasian kesemua perkhidmatan dan pengurusan Majlis, tadbir urus baik berteraskan libat urus (engagement), pembangunan modal insan, mewujudkan rangkaian dengan bandar-bandar luar dan dalam negara di dalam pengkongsian ‘best practices’ serta pematuhan dasar, polisi dan undang-undang. Bagi membentuk dan memperkasa budaya kerja yang berkualiti dalam organisasi, beberapa ciri harus diberi perhatian antara lain adalah seperti:

- Orientasi warga kerja haruslah bergerak di atas landasan yang betul sebagai prasyarat bagi menjayakan budaya kerja cemerlang iaitu mesti ada komitmen, mempunyai kesedaran kualiti, bersedia menerima perubahan dan tiada batasan masa untuk cemerlang.
- Komitmen daripada setiap warga kerja bagi meningkatkan kecemerlangan organisasi adalah dituntut.
- Kerja yang hendak dilaksanakan perlu dilakukan dengan sepenuh hati atas kehendak organisasi dengan mengetepikan segala kepentingan lain khususnya kepentingan peribadi.
- Mewujudkan dan memperkuuh “mind set” yang berorientasikan kecemerlangan supaya warga kerja lebih komited kepada matlamat utama Majlis.
- Sentiasa menggalakkan warga kerja menghayati serta mempraktikkan amalan-amalan pengurusan yang boleh meningkatkan kecemerlangan organisasi.

Justeru, kakitangan Majlis perlu memainkan peranan penting dan bertanggungjawab untuk menguruskan sumber tenaga manusia dengan sebaiknya. Tindakan pembetulan haruslah merangkumi usaha-usaha pencegahan sebelum sesuatu itu berlaku. Ini termasuklah mewujudkan persekitaran suasana kerja yang menarik, mengadakan aktiviti-aktiviti yang boleh mewujudkan semangat kerjasama.



DEMAM DENGGI

Untuk makluman semua, Sebanyak 60 kes demam denggi dilaporkan pada Minggu Epid (ME) 2 (8.1.2022). Kes ini menurun sebanyak 20 peratus daripada jumlah kes yang dilaporkan pada minggu sebelumnya iaitu 75 kes. Jumlah kes terkumpul sehingga ME 2 ialah sebanyak 135 kes. Jumlah lokaliti wabak terkini adalah sebanyak 21 lokaliti, manakala lokaliti wabak aktif pada Minggu Epid (ME) 1 adalah 9 lokaliti. Tiada wabak baru dilaporkan, 14 lokaliti wabak terkawal, 2 lokaliti wabak tak terkawal dan 5 lokaliti wabak *hotspot* dicatatkan.

Tiada kes kematian baru dicatatkan bagi Minggu Epid (ME) 2. Berdasarkan ini, 5 lokaliti *hotspot* yang dilaporkan adalah:

- a) Apartment Lestari PJU 10, sebanyak 32 kes dalam tempoh 81 hari
- b) Kondo Armanee PJU 8, 12 kes dalam tempoh 37 hari
- c) Teres SS 4A, 7 kes dalam tempoh 40 hari
- d) Teres SS3, 17 kes dalam tempoh 65 hari
- e) PPR Lembah Subang 2, 50 kes dalam tempoh 61 hari

Bagi mengelakkan peningkatan kes demam denggi terutamanya di lokaliti *hotspot*, usaha di peringkat Majlis adalah sentiasa menjalankan pemeriksaan di tempat pembiakan (PTP) dari rumah ke rumah dan persekitarannya, *larvaciding* dan semburan ruang termal serta semburan ULV. Selain itu, usaha ini digiatkan lagi dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Petaling dengan melakukan operasi PTP pada waktu malam untuk meningkatkan peratusan kemasukan dan pemeriksaan di dalam rumah penduduk. Sebanyak 50 peratus pemeriksaan rumah telah dicapai melalui operasi malam berbanding kurang 20 peratus pemeriksaan jika dilakukan pada waktu siang.

Dalam masa yang sama, Majlis turut mendapat kerjasama yang baik daripada penduduk setempat dan sokongan Ahli Dewan Negeri Petaling Jaya serta Ahli Majlis kawasan semasa program SEDAR walk dijalankan. Sebanyak 3 program SEDAR walk telah dijalankan bersama Ahli Dewan Negeri dan Ahli Majlis. Majlis turut mengadakan pendidikan kesihatan bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan penduduk melalui pemasangan *banner* di lokaliti *hotspot*, edaran risalah dari rumah ke rumah, pengumuman kejadian *hotspot* melalui pembesar suara surau serta membuka pondok panas di kawasan berkenaan.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya berharap agar masyarakat Petaling Jaya memberi kerjasama yang tinggi dalam bersama-sama memeriksa dan menghapuskan tempat pembiakan di kawasan dalam dan luar rumah serta memastikan semua bekas menakung air ditutup dan memasukkan racun jentik-jentik bagi mengelakkan pembiakan jentik-jentik *Aedes* terutamanya di dalam bekas yang bertakung air.



LINDUNGI KELUARGA ANDA DARIPADA DENGGI LUANGKAN 10 MINIT SETIAP HUJUNG MINGGU

Periksa rumah dan persekitaran sekurang-kurangnya seminggu sekali untuk memastikan tiada pembiakan nyamuk *Aedes*.

Bertindak sekarang! Luangkan 10 minit setiap minggu untuk mencegah Denggi!



Awasi Demam Denggi

Tindakan mencegah Demam Denggi

| | |
|---|---|
| Jika anda berada di kawasan wabak denggi: | Lindungi diri dari gigitan nyamuk <ul style="list-style-type: none"> - Sembur aerosol - Gunakan repelan - Pakai baju lengan panjang dan seluar panjang berwarna cerah - Elakkan berada di luar rumah pada waktu puncak gigitan nyamuk iaitu awal pagi dan senja |
| Jika anda datang dari tempat berisiko denggi: | Dapatkan rawatan segera di fasiliti kesihatan sekitar anda mengalami gejala jangkitan demam denggi |
| Bekas-bekas yang menakung air hendaklah dicuci dan dibuang arinya atau ditutup kemas. | Masukkan bahan pembunuh jentik-jentik ke dalam kolah atau takungan air |



EDARAN ELECTRIC ZAPPER BERSAMA KRT SS 25A

SS 25, 1 JANUARI 2022 - Ahli Majlis Zon 7, En. Leong Chee Cheng bersama pasukan *Search and Destroy Aedes Ranger* (SEDAR) KRT SS 25A telah mengedarkan sebanyak 100 unit pembunuh nyamuk elektrik (electric zapper) kepada penduduk sekitar SS 25 sebagai simbolik untuk mengembalikan semangat SEDAR dalam kalangan masyarakat.



WALK-ABOUT BERSAMA KETUA POLIS DAERAH PETALING JAYA

KG. CHEMPAKA, 9 JANUARI 2022 - Satu sesi perjumpaan dan *walk-about* bersama Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, ACP Mohamad Fakhrudin Abdul Hamid dengan penduduk Kg. Chempaka telah diadakan untuk membincangkan isu-isu semasa seperti penipuan dalam talian dan dialog bersama NGO. Turut hadir Ahli Dewan Negeri Bandar Utama, YB Pn. Jamaliah Jamaluddin.



PROGRAM BACK TO SCHOOL 2022 ZON 1

DAMANSARA DAMAI, 15 JANUARI 2022 - Seramai 400 pelajar dari Damansara Damai dan Bandar Sri Damansara telah menerima sumbangan barang kembali ke sekolah dalam program *Back to School 2022 Zon 1* yang diadakan di Dewan Serbaguna Pusat Latihan JAKOA, Damansara Damai. Sumbangan ini telah disampaikan Ahli Dewan Negeri Bukit Lanjan, YB Pn. Elizabeth Wong Keat Ping, Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Pn. TPr. Hjh. Sharipah Marhaini Syed Ali dan Ahli Majlis Zon 1, En. Suriase a/l Gengiah.



KEBUN KOMUNITI BARU BUKIT MAYANG EMAS

TAMAN BUKIT MAYANG EMAS, 14 JANUARI 2022 - Ahli Majlis Zon 7, En. Leong Chee Cheng telah mengadakan lawatan ke kebun komuniti Persatuan Penduduk Bukit Mayang Emas yang dahulunya merupakan kawasan lapang yang menjadi tempat pembuangan sampah haram. Tapak tersebut kemudian diusahakan menjadi kebun komuniti untuk manfaat penduduk setempat.



TUKAR MINYAK ENJIN MOTOSIKAL PERCUMA

PJS 1, 16 JANUARI 2022 – Sebanyak 120 buah motosikal berkuasa 150cc ke bawah telah mengambil peluang menukar minyak enjin secara percuma dalam program Tukar Minyak Enjin Percuma anjuran Ahli Majlis Zon 13, En. Ng Yih Miin dengan kerjasama BM Pro Motorwork.



PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA

SEKSYEN 4, 9 JANUARI 2022 - Ahli Majlis Zon 15, Pn. Ermeemarianna Saadon dan penghuni Kuarters JBA Petaling Jaya telah bersama-sama bergotong-royong membersihkan kawasan kediaman untuk menjaga kebersihan persekitaran. Gotong-royong ini turut mendapat kerjasama pengurusan Air Selangor dan Unit Pengurusan Aset Kerajaan Negeri Selangor.



KAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT LOKALITI BANJIR

PJS 1 & PJS 3, 8 JANUARI 2022 - Majlis Perwakilan Penduduk Zon 17 bersama Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran MBPJ telah mengadakan lawatan ke dua lokaliti banjir di Taman Medan Baru dan Flat Medan 32 untuk memberi penerangan dan mengedarkan risalah kepada penduduk berkenaan kawalan penyakit berjangkit bawaan air.



ONE STOP CENTRE MANGSA BANJIR PETALING JAYA

TAMAN DATO' HARUN, 2 JANUARI 2022 – Penduduk PJS 2 yang terlibat dalam kejadian banjir pada Disember 2021 dimudah cara untuk mengemukakan permohonan bantuan banjir yang diumumkan kerajaan Negeri Selangor dengan penyediaan *one stop centre* oleh Ahli Majlis Zon 18, En. Ahmad Akhir Pawan Chik.



SERAHAN BAUCAR BACK TO SCHOOL ZON 18

TAMAN DATO' HARUN, 8 JANUARI 2022 - Seramai 50 pelajar sekolah telah menerima baucar bernilai RM 200 setiap seorang untuk membeli kelengkapan kembali sekolah sumbangan pejabat Ahli Parlimen Petaling Jaya. Ahli Majlis Zon 18 turut menyumbangkan 50 bakul makanan dan cenderahati kepada kesemua keluarga untuk membantu meringankan bebanan mereka.



KEJOHANAN BOLING ULANG TAHUN KELAB MOTOSIKAL PETALING JAYA

SUBANG JAYA, 15 JANUARI 2022 - Bertempat di Sunway Mega Lanes telah berlangsungnya kejohanan boling sempena ulang tahun pertama Kelab Motosikal Petaling Jaya. Seramai 40 peserta terdiri daripada ahli kelab, Ahli Majlis dan pegawai-pegawai MBPJ mengambil bahagian. Turut hadir penaung kelab, En. Ridzuan Ahmad yang juga Ahli Majlis Zon 24 dan pengurus kelab, En. Salimey Abu Bakar.



ZIARAH MEDIK ZON 21 FASA 1

SS 5 & SS 6, 23 JANUARI 2022 – Ahli Majlis Zon 21, Pn. Rozazitah Ahmad telah menziarahi 6 penduduk di Zon 21 yang mengalami masalah kesihatan. Ziarah ini turut disertai Ahli Dewan Negeri Seri Setia, YB Tn. Halimey Abu Bakar serta Penyelia Pusat Wanita Berdaya DUN Seri Setia Pn. Rahimah Ngah.